

Kerajaan bincang wujud PSN di Sabah

MTE PSN luaskan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi ke Sabah: Arthur

UB 19.08.2023 P.08

Oleh Kennedy Corlisse

KOTA KINABALU: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Pusat Sains Negara (PSN) telah mengambil inisiatif meluaskan jangkauan dan program pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) kepada masyarakat melalui Program PSN Satelit.

Timbalan menterinya, Datuk Arthur Joseph Kurup, berkata program itu menawarkan pengalaman sesebuah pusat sains berskala kecil dengan tawaran pameran sains bertema yang meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Di Sabah, U-Science, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi destinasi Program PSN Satelit dan menerima 30 unit bahan pameran interaktif.

"Bahan pameran berkonsepkan astronomi, cabaran minda dan fizik ini dianggarkan bernilai RM1,500,000 bagi tempoh dua tahun akan dapat memberi banyak manfaat kepada rakyat Sabah.

"Pameran cabaran minda dan fizik yang dibangunkan oleh PSN ini merupakan bahan pameran yang menguji kefahaman dan pemikiran kreatif dalam menyelesaikan



ALBUM: Arthur (duduk tengah) bersama tetamu jemputan lain serta hadirin merakamkan gambar kenangan semasa majlis penyerahan MTE PSN.

masalah yang ringkas melalui teknik yang menarik.

"Manakala pameran astronomi pula memberi peluang kepada pelawat merasai pengalaman penerokaan ruang angkasa lepas dengan mempelajari asas seperti fasa bulan, buruj serta fenomena yang berlaku di alam semesta," katanya pada majlis penyerahan Mobile Thematic Exhibition (MTE) PSN kepada U-Science, UMS di sini kelmarin.

Hadir sama Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar dan Pengarah Pusat Sains

Negara, Mismah Jimbun.

Dalam perkembangan berkaitan, Arthur berkata Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sedang dalam peringkat perbincangan mewujudkan Pusat Sains Negara Wilayah Sabah.

"Sebagai langkah sementara Program PSN Satelit U-Science, UMS ini diwujudkan bagi memastikan segenap lapisan masyarakat dapat memanfaatkan teknologi, produk dan perkhidmatan STI untuk meningkatkan lagi minat anak-anak muda kepada bidang STEM.

"Dengan adanya rangkaian pusat pembudayaan STI yang meluas di Sabah, seperti PSN Satelit di U-Science UMS, penubuhan Ruang Daya Cipta di Sandakan, Kolej Vokasional Keningau serta akan datang Tuaran dan pengwujudan Pusat STI di Perpustakaan Daerah di Sabah oleh KSTI, aktiviti pembudayaan STI yang lebih strategik, dinamik dan seiring dengan trend global semasa dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan sehingga ke akar umbi," katanya.

Beliau percaya pengalaman pembelajaran sains

yang lebih menyeronokkan mampu mencetus rasa ingin tahu, daya kreativiti, inovasi dan seterusnya memberi inspirasi kepada pelajar untuk meminati bidang Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM).

"Diharap inisiatif program PSN Satelit ini akan dapat memantapkan usaha pembudayaan dan mempromosikan STI di Malaysia secara holistik, sekaligus memberi manfaat dan impak yang besar dalam melahirkan lebih ramai generasi yang memilih bidang STEM," katanya.